

Unjuran Pertumbuhan Ekonomi 2016

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Sebagai sebuah negara perdagangan, keadaan ekonomi Malaysia dipengaruhi oleh peristiwa-peristiwa yang mempengaruhi keadaan ekonomi dunia. Malaysia berada di kedudukan ke 23 terbesar dunia berdasarkan nilai eksport, cuma di belakang Singapura di kalangan negara-negara ASEAN. Dalam pada itu, Malaysia berada di kedudukan ke 35 terbesar dunia dari segi nilai keluaran dalam negara kasar (KDNK). Ini bermakna ekonomi Malaysia mempunyai pergantungan yang tinggi terhadap permintaan antarabangsa. Keadaan ekonomi rakan dagang utama negara akan mempengaruhi prestasi eksport secara langsung. Begitu juga sebarang peristiwa penting dunia secara langsung atau tidak akan turut mempengaruhi permintaan untuk eksport dari Malaysia.

Ekonomi dunia tumbuh pada kadar yang agak perlahan pada tahun lepas, menyebabkan permintaan untuk eksport Malaysia terjejas. Mengikut Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), ekonomi dunia tumbuh pada kadar 3.1 peratus setahun pada tahun 2015, yang terendah semenjak tahun 2010. Pada penghujung tahun lepas IMF turut mengunjurkan ekonomi dunia akan bertambah baik pada tahun ini, tumbuh pada kadar 3.4 peratus setahun. Namun sehingga kini, IMF telah menurunkan unjuran kadar pertumbuhan dunia sebanyak dua kali mengambil kira situasi semasa yang berlaku di seluruh dunia. Mengikut unjuran terakhir IMF yang dikeluarkan pada bulan Julai tahun ini, ekonomi dunia dijangka tumbuh pada kadar yang sama dengan tahun lepas, yakni 3.1 peratus setahun.

Keadaan ekonomi yang tidak menentu terutama di kalangan kuasa besar ekonomi dunia menyebabkan IMF terpaksa menyemak semula unjuran pertumbuhan ekonomi dunia. Kelembapan pertumbuhan ekonomi dunia merupakan berita buruk untuk Malaysia kerana permintaan untuk eksport akan berkurangan. Justeru, pertumbuhan

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

ekonomi negara untuk tahun ini akan menurun jika tiada langkah-langkah pragmatik dilaksanakan oleh kerajaan.

Lima rakan dagang utama Malaysia berdasarkan jumlah nilai dagangan adalah China, Singapura, Kesatuan Eropah (EU), Amerika Syarikat (AS) dan Jepun. Di antara lima ekonomi ini, cuma AS yang masih mempunyai permintaan yang tinggi untuk eksport dari Malaysia kerana pertumbuhan ekonominya yang baik. Justeru, permintaan domestik meningkat. EU, Jepun dan China masing-masing mengalami kelembapan pertumbuhan ekonomi. Manakala Singapura mengimport kebanyakannya barangan perantaraan dari Malaysia untuk diproses dan dieksport semula. Justeru, jumlah importnya akan bergantung kepada permintaan untuk eksportnya yang turut mengalami kemerosotan kerana kelembapan ekonomi dunia.

Pertumbuhan ekonomi EU yang sememangnya sudah lembap disebabkan pelbagai faktor, diburukkan lagi dengan peristiwa *Brexit* (United Kingdom keluar dari EU) baru-baru ini. Kesannya permintaan domestik dari kalangan negara EU menjadi lemah dan permintaan untuk eksport dari Malaysia dijangka turut terjejas. Jepun menghadapi permintaan domestik yang rendah walaupun kadar faedah dan paras harga domestik yang rendah. Dasar ekonomi mengembangkannya didapati kurang berkesan untuk meningkatkan permintaan domestik. China juga turut mengalami pertumbuhan permintaan domestik yang rendah kerana pertumbuhan ekonominya rata-rata dipacu oleh permintaan luar. Malah lain-lain kuasa besar ekonomi dunia sering memberi tekanan kepada China untuk mengimbangkan semula ekonominya dengan meningkatkan permintaan domestik di samping pergantungan kepada eksport.

Senario keadaan ekonomi dunia ini memberi makna bahawa permintaan untuk eksport Malaysia akan menjadi lembap. Satu-satunya cara untuk menjana pertumbuhan ekonomi adalah melalui peningkatan permintaan domestik. Berkaitan dengan ini, Bank Negara dilihat telah melaksanakan dasar untuk meningkatkan permintaan domestik umpamanya dengan memotong kadar dasar semalaman (OPR) baru-baru ini. Kerajaan dijangka akan melaksanakan lain-lain kaedah untuk merangsang pertumbuhan ekonomi.

Dengan langkah yang di ambil oleh kerajaan untuk merangsang pertumbuhan permintaan domestik, Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) mengekalkan unjuran pertumbuhan ekonomi (KDNK) untuk tahun ini pada kadar 4.2 peratus, seperti yang di laporkan minggu lepas. Pertumbuhan ini dijangka akan dipacu oleh permintaan domestik. Permintaan domestik untuk tahun ini dijangka akan tumbuh pada kadar 4.6 peratus berbanding dengan tahun lepas. Manakala, eksport bersih barangan dan perkhidmatan dijangka akan menguncup sebanyak 0.5 peratus berbanding dengan tahun lepas.

Pertumbuhan kadar permintaan domestik 4.6 peratus ini merupakan semakin menaik daripada unjuran asal di awal tahun ini pada kadar 4.5 peratus setahun. Manakala untuk eksport bersih barangan dan perkhidmatan, unjuran asal MIER di awal tahun ini adalah pertumbuhan positif pada kadar 1.2 peratus setahun. Kita dapat lihat di sini walaupun semakin menurun yang banyak terhadap kadar pertumbuhan eksport bersih barangan dan perkhidmatan, kesannya terhadap KDNK adalah kecil berbanding dengan perubahan permintaan domestik. Ini adalah kerana eksport barangan dan perkhidmatan memberikan nilai tambah yang sedikit terhadap ekonomi.

Pertumbuhan permintaan domestik untuk setengah tahun berikut dijangka akan di sumbangkan oleh peningkatan penggunaan swasta. Penggunaan swasta untuk tahun ini dijangka meningkat sebanyak 5.4 peratus berbanding dengan tahun lepas. Ini adalah merupakan peningkatan sebanyak 0.2 peratus berbanding dengan unjuran MIER di awal tahun ini. Peningkatan ini adalah kerana peningkatan kecairan di dalam ekonomi hasil dari dasar kewangan berkembang Bank Negara.

Sementara itu pelaburan swasta dijangka terjejas sedikit walaupun masih tumbuh pada kadar 5.5 peratus setahun, berbanding dengan unjuran awal 5.6 peratus. Penurunan sedikit pelaburan swasta adalah selari dengan kelembapan eksport. Namun, pakej rangsangan ekonomi yang dilaksanakan oleh kerajaan dijangka mampu menggalakkan pelaburan swasta terutama untuk keperluan permintaan domestik.

